

06/09/2003

'Pertimbang cuti bersalin anak keenam'

Fiee

BANYAK pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memperjuangkan hak wanita di negara ini selain kementerian khas dipertanggungjawabkan untuk perkara ini. Kita dapati pelbagai kemudahan dan keistimewaan dapat dikecapi wanita.

Setakat ini tiada NGO, kesatuan sekerja malah kementerian yang memperjuangkan hak wanita bersalin lebih daripada lima anak.

Ini memandangkan jika wanita bersalin anak keenam dan selebihnya, gaji dipotong apabila mereka bercuti. Saya rasa ini tidak patut berlaku kerana kerajaan menggalakkan wanita bekerja dan menggalakkan pertumbuhan penduduk.

Kebanyakan wanita melahirkan anak keenam atau lebih, tidak mendapat kemudahan cuti dua bulan seperti melahirkan anak pertama hingga kelima. Dulu cuti bersalin cuma 40 hari.

Semua sedia maklum apabila ahli keluarga bertambah, perbelanjaan pun bertambah apatah lagi jika kita tinggal di tengah bandar raya.

Oleh itu, pemotongan gaji bagi wanita bersalin anak keenam dan seterusnya tidak wajar dan membebankan.

Kerajaan sepatutnya memberi insentif kepada wanita yang berkhidmat lama dengan kerajaan dan bukannya memotong gaji mereka apabila bercuti bagi melahirkan anak keenam.

Saya rasa keistimewaan itu tidak mungkin membebankan kewangan negara jika kerajaan memberi cuti bergaji penuh kepada wanita bersalin anak keenam kerana saya dapati tidak ramai wanita bekerja mempunyai anak ramai.

Apakah perkara ini tidak difikirkan oleh pelbagai pihak dan kementerian berkenaan apabila keperluan dan kebajikan wanita diperjuangkan. Sedikit masa dulu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah mencadangkan penduduk ditambah sehingga 70 juta.

Wanita sebagai kakitangan kerajaan yang mempunyai ramai anak perlu diberikan perhatian, ganjaran dan pembelaan sewajarnya.

FIEE,  
Serdang, Selangor.